

# Classroom Experience Sharing #1

## Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian: Norma Baru yang Tidak Normal?

Muriatul Khusmaw Musa & Mohamad Zain Hashim (FKA)

Pandemik Covid 19 yang melanda Malaysia dan juga seluruh dunia tidak sahaja mengubah lanskap ekonomi dan sosial negara, malah ia turut memberi impak yang sangat besar dalam bidang pendidikan. Pada awal tahun 2020 pengajaran secara bersemuka di Malaysia telah dihentikan serta merta akibat kawalan pergerakan penuh (PKP) di mana semua pendidik dan pelajar secara tidak lansung terpaksa menjalankan pengajaran dan pembelajaran atas talian tidak kira dimana mereka berada. Ia melibatkan semua peringkat pendidikan bermula dari pra-sekolah hingga ke universiti.

Pembelajaran atas talian membawa perubahan yang besar di dalam dunia pendidikan. Kekurangan kemahiran mengajar secara atas talian, sambungan internet yang rendah, pelajar tidak mempunyai peralatan pembelajaran yang sesuai, persediaan yang lama untuk kelas di atas talian adalah antara kesukaran yang perlu diharungi oleh warga pendidik. Namun, di sebalik semua cabaran yang dihadapi, para guru dan pensyarah berjaya mengharungi ‘norma baru’ pengajaran dan pembelajaran. Warga pendidik berusaha untuk mengatasi kegusaran mereka dan mula menyesuaikan dan menambahbaik kemahiran pengajaran digital mereka bagi memastikan mereka mampu memenuhi tuntutan ‘norma baru’ ini untuk memenuhi keperluan pembelajaran para pelajar .

Apakah yang dimaksudkan oleh ‘kebiasaan baru’ (*new normal*) dan juga ‘norma baru’. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka ‘kebiasaan baru’ bermaksud perkara baru atau tindakan baru yang sebelum ini bukan kebiasaan tetapi telah diterima pakai oleh masyarakat disebabkan oleh penyakit berjangkit seperti pandemik Covid 19 dan diadaptasikan dalam amalan harian. Sementara itu ‘norma baru’ pula boleh didefinisikan sebagai peraturan baru yang diadaptasi dan diamalkan oleh masyarakat setelah berlakunya sesuatu penyakit berjangkit seperti Covid 19.

Dalam bidang pendidikan ,pembelajaran atas talian sepenuhnya tanpa kelas bersemuka merupakan ‘norma baru’. Ini adalah kerana sebelum bermulanya pandemik Covid 19 kaedah ini tidak begitu popular di kalangan para pendidik . Hanya sekumpulan kecil sahaja pensyarah maupun guru yang memilih kaedah ini manakala selebihnya lebih selesa dengan kelas bersemuka. Walaubagaimanapun, sepanjang 2 tahun negara dilanda pandemik dan secara rasminya telah mencapai tahap endemik pada 1 April 2022, pendidikan atas talian terutamanya di peringkat universiti masih diteruskan. Kelas- kelas bersemuka masih dihadkan kepada makmal dan amali. Bagi kelas-kelas lain yang tidak melibatkan sebarang latihan amali, pembelajaran atas talian adalah diutamakan bagi mengurangkan risiko jangkitan kes Covid 19 di kalangan pelajar dan juga pendidik. Walaubagaimanapun disebalik ‘norma baru’ ini di mana pengajaran dan pembelajaran atas talian telah diterima pakai dan di amalkan oleh semua universiti di Malaysia muncul pula ‘ norma baru’ yang tidak normal yang telah menjadi satu trend di dalam kelas

ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Trend ini telah menyebabkan proses penyampaian ilmu menjadi satu proses yang berbeza dari pembelajaran secara bersemuka. Berdasarkan pengalaman dan pemerhatian penulis berikut adalah ‘norma baharu’ yang boleh dianggap tidak normal di dalam proses penyampaian ilmu:

Kebiasaan yang sering dilakukan oleh pelajar sewaktu kelas bersemuka seperti memberi salam ataupun menegur pensyarah sangat jarang berlaku. Pelajar dan pensyarah juga tidak lagi dapat berbual mesra bertanya khabar pada permulaan kelas seperti satu ketika dahulu. Ia kerap kali dimulakan dengan pensyarah yang memulakan kelas dengan memberi salam atau ucapan selamat yang adakalanya dibalas oleh pelajar tetapi seringkali dibiarkan begitu sahaja tanpa apa-apa respon dari pelajar. Ini menyebabkan tiada lagi kemesraan seperti ketika kelas bersemuka dijalankan.

Tidak seperti kelas bersemuka, pembelajaran atas talian menyebabkan adanya jurang pemisah di antara pelajar, pensyarah dan rakan-rakan sekelas. Seringkali kelas berlangsung dalam keadaan di mana hanya pensyarah sahaja yang akan memasang kamera, manakala hanya sebilangan kecil atau mungkin tiada langsung pelajar yang akan memasang kamera sepanjang kelas berjalan. Hanya imej wajah pelajar ataupun imej-imej lain sahaja yang terpampar di skrin. Para pelajar hanya akan memasang kamera apabila diminta oleh pensyarah, namun ada kalanya mereka tidak memasang kamera dengan alasan kamera rosak atau pun mengalami gangguan internet atau capaian internet yang lemah menyebabkan wajah mereka tidak dapat dilihat. Oleh yang sedemikian, pensyarah tidak dapat mengenali atau pun mengingati wajah pelajar walaupun setelah 14 minggu mengajar, terutamanya apabila bilangan pelajar di dalam sebuah kelas itu adalah besar. Pensyarah dan pelajar menjadi seolah-olah orang asing yang tidak mengenali satu sama lain walaupun bersama di dalam kelas selama 14 minggu.

Berbeza dengan suasana kelas bersemuka, pembelajaran atas talian menyebabkan pensyarah seolah-olah mengajar tanpa pelajar. Sudahlah pelajar tidak memasang kamera, majoriti pelajar juga mengambil sikap berdiam diri dan tidak memberi sebarang respon kepada pensyarah walaupun ketika nama dipanggil. Suasana ini seolah-olah sudah menjadi satu kebiasaan, sedangkan sekiranya berada di kelas bersemuka sikap acuh tidak acuh pelajar mungkin tidak terjadi. Dalam situasi kelas konvensional, pelajar akan sentiasa memberikan respon walaupun mereka mungkin tidak mempunyai jawapan yang betul atau pun soalan ketika nama mereka dipanggil. Tidak dinafikan ada pelajar yang akan memberi respon ketika di atas talian, tetapi jumlahnya adalah sangat kecil dan kebiasaannya pelajar yang sentiasa peka dan memberi perhatian dan respon merupakan pelajar yang sama. Natijahnya, kelas menjadi begitu hambar dan berat sebelah kerana di kuasai sepenuhnya oleh pensyarah.

*bersambung di mukasurat berikut ...*

# Classroom Experience Sharing#1 (continued ...)

... bersambung dari mukasurat sebelum

Pensyarah juga mengajar tanpa mengetahui samaada pelajar benar-benar ada bersama di dalam kelas atas talian ataupun pelajar cuma hadir dalam talian tetapi secara fizikal tiada di depan komputer bagi mengikuti kelas secara langsung. Sudah menjadi kebiasaan pada sesetengah pelajar untuk cuma log masuk ke dalam kelas atas talian dan meninggalkan kelas untuk melakukan perkara lain. Di samping itu terdapat pelajar yang lambat masuk ke dalam kelas atau pun tiba-tiba keluar dari kelas dengan alasan gangguan internet. Walaupun perkara ini mungkin benar, terdapat juga pelajar yang mengambil kesempatan untuk sengaja tidak hadir ke kelas dengan menggunakan alasan tersebut. Pensyarah hanya boleh menasihati tetapi untuk mengawal perkara ini dari terjadi adalah agak sukar kerana pelajar tidak berada bersama-sama pensyarah di dalam kelas secara bersemuka.

Kesimpulannya, COVID 19 benar-benar merubah senario dalam bidang pendidikan terutamanya di peringkat universiti yang hingga kini masih menjalankan pengajaran dan pembelajaran atas talian. Hubungan di antara pelajar dan pensyarah dan rakan sekelas telah menjadi semakin renggang dan asing. Para pensyarah juga terpaksa terus mengajar dalam suasana yang agak hambar dan mencabar sekiranya pelajar-pelajar memilih untuk terus tidak memberi sebarang reaksi atau tindak balas sepanjang kelas diadakan. Jika proses pengajaran dan pembelajaran atas talian ini terus dijalankan tanpa ada kelas bersemuka dikhawatir norma baru yang tidak normal ini akan terus menjadi budaya dan ikutan generasi muda pada masa akan datang.



## QUOTES ON E-LEARNING

*“eLearning doesn't just happen! It requires careful planning and implementation.”* - Anonymous

*“In order to create an engaging learning experience, the role of instructor is optional, but the role of learner is essential.”*

- Bernard Bull

*“Students do not learn much just sitting in classes listening to teachers, memorizing prepackaged assignments, and spitting out answers. They must talk about what they are learning, write reflectively about it, relate it to past experiences, and apply it to their daily lives. They must make what they learn part of themselves.”*

- Arthur W. Chickering and Stephen C. Ehrmann

*“The most important principle for designing lively eLearning is to see eLearning design not as information design but as designing an experience.”* - Cathy Moore

*“When it comes to eLearning, content means everything. If eLearning content is not masterfully designed, all the rest will just go down the drain.”* - Christopher Pappas

*“The most profound words will remain unread unless you can keep the learner engaged. You can't see their eyes to know if they got it so ... say it, show it, write it, demo it and link it to an activity.”* - James Bates

Source:

E-Learning Industry. (2022). 23 Inspirational eLearning Quotes For eLearning Professionals.  
<https://elearningindustry.com/inspirational-elearning-quotes-for-elearning-professionals>